

# Ekuinas jual restoran Burger King

Penjualan jana hasil RM74.6 juta kepada syarikat

Oleh Mahanum Abdul Aziz

mahanum\_aziz@bh.com.my

kuiti Nasional Bhd (Ekuinas) memuktamadkan penyusunan semula portfolio makanan dan minuman (F&B) dengan penjualan perniagaan restoran Burger King di Malaysia dan Singapura, yang menjana hasil RM74.6 juta.

Ia susulan pelupusan ekuitinya dalam Rancak Selera Sdn Bhd (RSB) - pengendali rangkaian restoran Burger King di Malaysia dan Singapura, yang mana Ekuinas masing-masing memegang 95 peratus dan 100 ekuiti.

## Rangkaian besar seluruh negara

Penjualan RSB kepada Newscape Capital Sdn Bhd (Newscape) dimuktamadkan baru-baru ini susulan selesainya proses jualan bersama dengan BK Asiacap Pte Ltd (BKAP), iaitu fransisor utama bagi jenama Burger King di rantau Asia Pasifik.

Newscape ialah syarikat pelaburan diketuai Datuk Chua Tia Guan

dan Lee Thiam Wah yang berpengalaman luas dalam mengurus serta mengendalikan perniagaan kedai runcit yang mempunyai rangkaian besar di seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Datuk Abdul Rahman Ahmad, berkata Burger King akan membolehkan jenama itu berada di bawah rakan kongsi jangka panjang yang mempunyai kewangan kukuh dan kepakaran operasi diperlukan untuk terus menyokong pertumbuhan jenama ikonik berkenaan.

Dengan selesainya penjualan ekuiti berkenaan, katanya, Ekuinas turut memuktamadkan proses penyusunan semula portfolio F&B dengan meninggalkan segmen restoran sajian segera untuk memberi tumpuan serta meluaskan segmen restoran F&B kasual menerusi jenama seperti Tony Roma's, Manhattan Fish Market, New York Steak Shack, Coolblog dan San Francisco Coffee.

"Semua jenama F&B yang bernaung di bawah Integrated Food Group (IFG), kini semakin berkembang dengan gabungan perolehan RM338 juta dan EBITDA RM36.5 juta menerusi lebih 400 cawangan di beberapa rantau," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Sementara itu, Presiden BKAP,



Ekuinas jual perniagaan restoran Burger King di Malaysia dan Singapura.

David Shear berkata, pihaknya gembira dengan komitmen dan usaha Ekuinas dalam memajukan restoran Burger King di Singapura dan Malaysia sepanjang empat tahun lalu serta membawanya ke tahap hari ini.

## Semakin berkembang

Beliau berkata, pihaknya teruja dengan peluang bakal diterokai di kedua-dua pasaran dan berharap untuk berganding bahu dengan Newscape bagi terus meluaskan

jenama Burger King di Singapura dan Malaysia pada masa depan.

Dengan penjualan Burger King, jumlah hasil direalisasi daripada aktiviti pelupusan Ekuinas meningkat kepada RM1 bilion, meliputi lima pelaburan setelah hampir enam tahun beroperasi.

Setakat ini, ia melabur dalam syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terbabit dalam industri barang pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan dan runcit.



“Semua jenama F&B yang bernaung di bawah Integrated Food Group (IFG), kini semakin berkembang dengan gabungan perolehan RM338 juta dan EBITDA RM36.5 juta menerusi lebih 400 cawangan di beberapa rantau”

**Abdul Rahman Ahmad,**  
Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas